

15/03/1997

Tabung Haji sasar enam juta penyimpan

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Tabung Haji) kini memberi tumpuan menambah bilangan penyimpan sekurang-kurangnya enam juta orang atau 50 peratus daripada 12 juta umat Islam di seluruh negara, menjelang tahun 2002.

Ketua Eksekutif Tabung Haji, Datuk Harun Baba, berkata ini selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Tabung Haji mampu bersaing dengan institusi kewangan lain.

Beliau berkata, kempen menarik menyimpan akan diperhebatkan dan meminta sokongan setiap kerajaan negeri supaya menggalakkan kakitangan kerajaan menyimpan dalam Tabung Haji sekurang-kurangnya RM1,000.

"Setakat ini, hanya 26 peratus atau 2.9 juta umat Islam negara ini menyimpan dalam Tabung Haji membabitkan simpanan RM97.7 juta," katanya di majlis penyampaian cek zakat sebanyak RM386,228.10 kepada Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, di sini semalam.

Bagaimanapun, beliau tidak menafikan kesedaran umat Islam terus meningkat dan ini terbukti apabila jumlah simpanan meningkat sebanyak RM20.3 juta dalam tempoh dua bulan pertama tahun ini.

"Kita akan memastikan matlamat menarik 50 peratus umat Islam di negara ini menyimpan dalam tabung itu menjelang tahun 2002, termasuk bantuan kerajaan negeri supaya penerima pampasan dan ganjaran turut menjadi penyimpan," katanya.

Harun berkata, Tabung Haji perlu juga melaksanakan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) yang dihalalkan mengikut hukum syarak sebagai langkah menghadapi saingan institusi kewangan lain.

"Selain menguruskan jemaah haji ke Makkah, Tabung Haji menceburi sektor lain, termasuk peladangan, pelaburan saham dan pembangunan," katanya.

Beliau juga meminta kerajaan negeri membuka peluang Tabung Haji terbabit dalam sektor perumahan dan peladangan di negeri masing-masing.

"Selain dalam negeri, Tabung Haji juga mengorak langkah membangunkan tanah di Sabah, Sarawak dan Riau, Sumatera.

"Tabung Haji memperolehi kawasan untuk membangunkan tanah 70,000 hektar di Riau dengan tanaman kelapa sawit," katanya.

Menurut Harun, Tabung Haji terpaksa mencari sektor lain yang boleh memberi pulangan segera kerana sektor peladangan agak lama walaupun ia menguntungkan.

Selain itu, katanya, Tabung Haji dan Tabung Angkatan Tentera juga diminta kerajaan turut membantu usahawan Bumiputera peringkat menengah.

(END)